

R GB 23-10 00203 BH607

AAB

Mahathir - Demokrasi

TERLALU BANYAK STANDARD UNTUK DEMOKRASI, KATA DR MAHATHIR

Daripada Kuah Guan Oo

I

LIMASSOL (Cyprus), 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu rakan-rakan Komanwelnya bahawa ukuran kepada demokrasi di dunia ini terlalu berbeza-beza.

"Memang betul, terdapat standard bagi setiap masa," katanya semasa menyambung sesi perbincangan eksekutif Persidangan Kemuncak Komanwel di mana mereka membincangkan isu-isu berkaitan politik dan ekonomi sejagat.

Ketika bercakap kepada wartawan dari Malaysia selepas sesi pagi itu, yang pemimpin Malaysia merupakan antara 11 tokoh yang berucap, jurucakap Komanwel Patsy Robertson berkata, Dr Mahathir telah bertanya mengapa Hong Kong, yang diperintah lebih 100 tahun sebagai negara yang kurang demokrasi, perlu menjadi demokratik dengan cepat apabila ia hendak diserahkan kembali kepada china.

"Mengapa sekarang?" tanya Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata, terdapat perbincangan mengenai sekatan terhadap China, yang hampir sama dengan keadaan yang dikenakan terhadap Afrika Selatan tetapi beliau mahu tahu bagaimana mereka akan mempengaruhi China.

Menurut Robertson, pemimpin Malaysia itu berkata, terlalu banyak organisasi yang menyifatkan diri mereka sebagai penimbangtara di dunia ini dan memberitahu negara-negara miskin apa yang perlu dilakukan dan mendefinisikan demokrasi dengan cara mereka melihatnya. -- Lagi

▼23/10/11-36MST

R GB 23-10 00182 BH608

AAB

Mahathir - Demokrasi 2 Limassol

Dr Mahathir, yang melahirkan harapan agar Komanwel akan menegakkan demokrasi yang sebenarnya, juga menyeru pertubuhan yang dianggotai 50 negara itu supaya mendesak Pertubuhan bangsa-bangsa Bersatu (PBB) "supaya orang yang mendukung demokrasi dilindungi oleh mereka yang mempercayai demokrasi."

Sambil berkata, seorang jurujual yang baik sentiasa menjanjikan perkhidmatan selepas jualan yang bagus, Dr Mahathir berkata: "Jadi, orang yang menjual demokrasi di dunia perlu bersedia memberikan sedikit perkhidmatan selepas jualan untuk memastikan demokrasi terus hidup."

Perdana Menteri, yang sebelum itu menyentuh mengenai perubahan di Rusia, Eropah Timur dan bekas Yugoslavia berkata, adalah sukar bagi mereka untuk berubah kepada satu pasaran bebas setelah lebih 70 tahun berada di bawah pemerintahan komunis.

Apabila kereta-kereta kebal dan senjata dihalakan ke arah Parlimen Rusia pada awal perbalahan itu, ini menunjukkan kepadanya bahawa kurangnya kefahaman mengenai demokrasi dan beliau tidak fikir bahawa keadaan-keadaan itu baik untuk Rusia.

Dr Mahathir berkata, melainkan pihak Barat bersedia membantu dan mempertahankan demokrasi, rakyat di negara-negara (bekas komunis) itu seolah-olah kembali ke "zaman buruk" mereka. -- Lagi

▼23/10/11-41MST

CNS1677

R GB 23-10 00137 BH609

AAB

Mahathir - Demokrasi 3 (Akhir) Limassol

Perdana Menteri, yang mengulangi pendirian Malaysia mengenai isu Bosnia, bercakap mengenai masalah rakyat Cyprus dan berharap rakyat negara itu daripada keturunan Greek dan Turki akan berbincang untuk menyelesaikan perbezaan mereka.

Malaysia, katanya, akan menyokong tindakan Komanwel untuk membantu kerana Malaysia mempunyai pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan pasukan pengaman PBB di Cyprus. Katanya, beliau juga mahu pegawai-pegawai ini segera pulang ke tanahair.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai blok perdagangan yang besar di Amerika Utara dan Eropah yang mengetepikan keluaran negara-negara membangun.

Malaysia, katanya, cuba menjual keretanya kepada Cyprus tetapi mendapati tarifnya adalah terlalu tinggi.

Beliau memberitahu (Cyprus) Presiden Glafkos Clerides bahawa beliau tahu negara itu cuba menyertai Kesatuan eropah yang sistem perdagangannya "tidak membantu kita." -- Bernama

KGO ZU

00137 BH609